



## KENYATAAN MEDIA

**YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN  
MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN**

**TATACARA PERATURAN-PERATURAN PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN  
PENYAKIT BERJANGKIT (LANGKAH-LANGKAH DI DALAM KAWASAN  
TEMPATAN JANGKITAN)(NO. 5) 2020  
(PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB))  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

---

1. Kerajaan Negeri Sembilan pada 3 Mei 2020 telah mengeluarkan kenyataan berhubung sektor yang dibenarkan beroperasi dan yang tidak dibenarkan beroperasi berdasarkan keputusan Kerajaan Pusat yang melonggarkan Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan)(No. 4) 2020 (Perintah Kawalan Pergerakan Fasa Keempat (PKP4)) bermula 29 April hingga 12 Mei 2020 sepertimana diumumkan Perdana Menteri mengenai tatacara kawalan serta pengoperasian sektor yang terlibat dalam Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).
2. Berdasarkan laporan media pada 4 Mei 2020 yang melaporkan Menteri Kanan (Keselamatan) menyatakan bahawa Peraturan-Peraturan di bawah PKP4 sebelum ini terbatal mulai 4 Mei 2020 dengan bermulanya kuat kuasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), maka Kerajaan Negeri Sembilan perlu mengkaji semula kenyataan yang dibuat pada 3 Mei 2020 itu.
3. Sehubungan dengan itu, berdasarkan PKPB yang membatalkan PKP sebelum ini mulai 4 Mei 2020, hasil daripada mesyuarat Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri Khas Covid-19 Negeri Sembilan pada 8 Mei 2020, Kerajaan Negeri mengambil ketetapan seperti yang berikut:
  - (a) Sektor yang dibenarkan menurut PKPB sahaja yang boleh beroperasi dengan syarat pematuhan SOP yang ditetapkan oleh pihak berkuasa;
  - (b) Bagi aktiviti riadah di taman rekreasi awam, diharapkan orang ramai dapat bersabar dalam melakukan aktiviti riadah yang dibenarkan memandangkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sedang mengambil tindakan sewajarnya bagi mematuhi SOP yang ditetapkan oleh pihak berkuasa bagi memastikan kesihatan dan keselamatan orang ramai terjamin;
  - (c) Orang ramai digalakkan menggunakan perkhidmatan pandu lalu atau *take-away* semasa berurusan dengan restoran, kedai makan atau premis makan. Mana-mana pengusaha restoran/kedai makan/premis makan yang

membenarkan pelanggan untuk *dine-in* hendaklah mematuhi SOP yang ditetapkan oleh pihak berkuasa;

- (d) Bagi aktiviti sukan atau aktiviti berkaitan yang lain, orang ramai digalakkan terus pulang ke kediaman masing-masing sebaik sahaja selesai melakukan aktiviti tersebut;
  - (e) Operasi sektor yang dibenarkan menurut PKPB dalam kawasan yang mempunyai kes positif COVID-19 atau *person under investigation* (PUI) yang tinggi seperti beberapa taman perumahan di Sendayan, kawasan di sekitar kluster Pedas, dan kawasan sekitar Pasar Besar Seremban dan Pasar Bahau boleh tertakluk kepada nasihat dan arahan pihak berkuasa; dan
  - (f) Pihak berkuasa akan mengambil tindakan sewajarnya sekiranya terdapat mana-mana pihak yang melanggar undang-undang yang sedang berkuat kuasa dan SOP yang ditetapkan oleh pihak berkuasa termasuklah mengarahkan mana-mana premis perniagaan ditutup operasinya dan membawa kes ke mahkamah terhadap mana-mana individu.
4. Sehubungan dengan itu, diharapkan semua pihak termasuk orang ramai dapat mematuhi SOP yang ditetapkan oleh pihak berkuasa bagi memastikan penularan dan kebolehjangkitan COVID-19 ini terus dapat dikurangkan dan dihapuskan. Orang ramai juga dinasihatkan sentiasa memakai *face-mask* apabila berurusan di luar rumah serta mengamalkan kebersihan tangan dan penjarakan sosial.
  5. Kerajaan Negeri mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas pengorbanan semua pihak yang bersama-sama memerangi penularan COVID-19 terutamanya pasukan barisan hadapan (*frontliners*) dan juga pasukan di belakang tabir, serta pihak yang telah memberikan sumbangan kepada Kerajaan Negeri dalam bentuk kewangan dan juga peralatan atau makanan sepanjang tempoh PKP ini.

Sekian, terima kasih.

Bersih. Muafakat. Sejahtera

**YAB DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN**  
**MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN**

8 Mei 2020